

## Imigresen lapor SPRM video Kak Siti tular di media sosial

**PUTRAJAYA** - Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan tular sebuah video di media sosial bertajuk 'Kak Siti kena bayar 'pelincir' untuk masuk ke Malaysia'.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, laporan itu dibuat oleh Timbalan Ketua Pengarah (Kawalan) Imigresen, Datuk Makhzan Mahyuddin jam 2.30 petang Khamis di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Menurutnya, video tersebut memaparkan seorang wanita memberi ucapan mengenai status pergerakan keluar masuk

negara seorang wanita Indonesia dikenali sebagai 'Kak Siti'.

"Dakwanya, Kak Siti mempunyai pas kerja yang sah dan telah melahirkan tiga orang anak di Malaysia.

"Wanita terbabit telah pergi ke Batam, Indonesia bersama-sama Kak Siti dipercayai cuba membantu Kak Siti untuk masuk semula ke Malaysia.

"Turut dibangkitkan dalam ucapan itu adalah dakwaan bahawa Kak Siti perlu membayar sejumlah wang kepada individu yang didakwa pegawai imigresen bagi membantu kemasukannya ke negara ini," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, kenyataan

dan dakwaan dalam video itu boleh menjejaskan imej dan nama baik imigresen.

Sehubungan itu, pihaknya telah membuat laporan kepada SPRM supaya satu siasatan yang telus dapat dijalankan.

"Jika terbukti dakwaan di dalam video tersebut adalah benar, maka tindakan tanpa kompromi akan diambil jika terdapat pegawai jabatan ini yang melakukan kesalahan.

"Tetapi jika didapati dakwaan dalam video tersebut tidak benar, tindakan undang-undang yang sewajarnya boleh diambil terhadap wanita yang memberi ucapan dalam video tersebut," katanya.